

(R)

## PENTADBIRAN PUSAKA HARTANAH ORANG- ORANG ISLAM DI KELANTAN

WAN AZIMIN BIN WAN ADNAN

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
NOVEMBER 2001

Perpustakaan Universiti Malaya



A510789730

**PENTADBIRAN PUSAKA HARTANAH ORANG-  
ORANG ISLAM DI KELANTAN**

**WAN AZIMIN BIN WAN ADNAN**

**Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi  
sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Syariah  
(Secara Berkursus Dan Disertasi)  
Sesi 2001/2002**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
NOVEMBER 2001**

## ABSTRAK

Pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Kelantan mempunyai latar belakang tersendiri di mana pada peringkat awalnya iainya ditadbir oleh Mahkamah Syariah dan berpandukan kepada hukum faraid yang bercampur aduk dengan adat tempatan. Namun kesan kedatangan Inggeris yang memperkenalkan undang-undang pentadbiran pusaka telah memberi bidangkuasa kepada Pejabat Tanah dan Mahkamah Sivil menguruskan pentadbiran pusaka termasuk pusaka harta tanah orang-orang Islam sehingga ke hari ini dengan sedikit perubahan. Kajian ini cuba mengkaji tentang pentadbiran dan prosedur-prosedur yang digunakan bagi penyelesaian pusaka harta tanah orang-orang Islam di Kelantan.

## **ABSTRACT**

The administration of Muslim inheritance in Kelantan has its own background whereby during the earlier stage, it was administered by the Syariah Court, which referred to the faraid law mixed with the local customs. However, the presence of British who introduced the administration of inheritance law has given authority to the Land Office and the Civil Court to handle the succession of estates including the Muslims' land heritage that has gone through a few changes up to today. This study is to identify the administration and procedures used for making the distribution of inheritance Muslims' land heritage in Kelantan.

## PENGHARGAAN

Di kesempatan ini penulis ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia disertasi penulis, Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah di atas segala bimbingan dan nasihat yang telah dicurahkan.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Ustaz Abdul Kadir b. Muhammad di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang beliau berikan secara langsung mahupun tidak langsung kepada penulis dalam usaha menyiapkan disertasi ini.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Encik Mohd Zin bin Dollah, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Dato' Hj. Daud bin Yusoff, Ketua Hakim Syari'e, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan, Encik Nik Mohd Azmin bin Nik Mahmood, Pengurus Amanah Raya Berhad Negeri Kelantan, serta kakitangan Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu yang sanggup meluangkan masa mereka bagi sesi temubual dan memberi maklumat yang berharga kepada penulis.

Tidak lupa juga kepada isteri tercinta, Che Rosmah Mohamed Zain, anakanda Wan Amani, ayahanda, Haji Wan Adnan dan bonda Nik Hasnah, Wae, Eddie, dan seluruh ahli keluarga penulis yang berterusan memberi dorongan, semangat dan pertolongan kepada penulis. Sesungguhnya Allah sahaja yang dapat membalaunya.

Akhirnya penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cikgu Ismail bin Ahmad kerana membantu penulis menyemak disertasi ini, tidak lupa juga kepada saudara Saifudin bin Ibrahim, saudara Shaari, Cikgu Zuhairi, Ustaz Baharuddin, saudara Aidy, saudara Mohd Zaki dan Ustaz Shafawi serta rakan-rakan yang lain yang banyak memberi sokongan di dalam menyiapkan disertasi ini.

Sekian, terima kasih.

Wan Azimin Bin Wan Adnan  
No. 2879-J, Taman Sri Laksamana,  
Jalan Mahmood, Kota Bharu  
Kelantan

22 Sya'ban 1422 / 7 November 2001

## DAFTAR ISI

### Kandungan

### Halaman

#### Halaman Tajuk

Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Daftar Isi	vii
Senarai Carta	xi
Senarai Lampiran	xii
Senarai Statut	xiii
Senarai Kes	xiv
Senarai Kependekan	xv
Panduan Transliterasi	xvii
Pendahuluan	xviii

## BAB I

### **LATAR BELAKANG PENTADBIRAN HARTA PUSAKA ORANG-ORANG ISLAM DI MALAYSIA**

1.1 Sebelum Kedatangan Inggeris	2
1.2 Zaman Semasa Kedatangan Inggeris	8
1.2.1 Pentadbiran Pusaka di Negeri-negeri Selat	9
1.2.2 Pentadbiran Pusaka di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	12
1.2.3 Pentadbiran Pusaka di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu	14
1.3 Zaman Selepas Kemerdekaan	15
1.4 Pemakaian Akta	17

1.5 Undang-Undang Lain Yang Berkaitan	22
Nota Hujung	24

## BAB II

### PENTADBIRAN PUSAKA HARTANAH ORANG-ORANG ISLAM DI KELANTAN

2.1 Pentadbiran Tanah di Kelantan	28
2.2 Penubuhan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di Kelantan	33
2.3 Undang-Undang Pentadbiran Harta Pusaka Hartanah	41
2.4 Penentuan Harta Pusaka Dalam Pertikaian Harta Sepencarian Dan Hibah	45
2.5 Institusi-Institusi Pentadbiran Pusaka Hartanah	48
2.5.1 Unit Pembahagian Pusaka Kecil Kelantan	48
2.5.2 Amanah Raya Berhad Cawangan Kelantan	52
2.5.3 Mahkamah Tinggi	56
2.6 Status Tanah Dan Pembahagiannya	60
2.6.1 Tanah Rancangan Berkelompok	60
2.6.2 Tanah Rezab Melayu Kelantan	63
2.6.3 Tanah Di Bawah Lesen Pendudukan Sementara	66
2.6.4 Tanah Yang Di Kaveatkan	67
Nota Hujung	69

## BAB III

### PROSEDUR PEMBAHAGIAN PUSAKA HARTANAH ORANG-ORANG ISLAM DI KELANTAN

3.1 Prosedur Pentadbiran Harta Pusaka Biasa	74
---	----

3.2 Prosedur Pentadbiran Harta Pusaka Kecil	82
3.2.1 Pemohon-Pemohon Yang Berkelayakkan	84
3.2.2 Tatacara Permohonan	88
3.2.3 Penaksiran dan Penilaian Harta Pusaka	95
3.2.4 Perbicaraan	97
3.2.5 Perintah Pembahagian	102
3.2.6 Rayuan Terhadap Keputusan Perbicaraan	105
3.2.7 Permohonan Kemudian	106
3.2.8 Jangka Masa Memproses Sesuatu Tuntutan	109
3.3 Prosedur Penyelesaian Pusaka Hartanah di Bawah Akta Tanah (Kawasan-Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960	111
3.4 Kesimpulan	114
Nota Hujung	115

#### BAB IV

##### **Permasalahan**

4.1 Masalah Yang Timbul Dalam Sistem Pentadbiran Dan Aspek Perundangan	117
4.1.1 Ketiadaan Had Masa Bagi Penghantaran Status Permohonan	117
4.1.2 Kelonggaran bagi Pihak Ahli Waris dan Saksi untuk menghadiri perbicaraan.	118
4.1.3 Kelemahan di dalam memenuhi borang	119
4.1.4 Kegagalan Mengemukakan Petua Pusaka	120
4.1.5 Kelemahan Pada Surat Kuasa Tadbir	121
4.1.6 Kematian Pemegang Surat Kuasa Tadbir	122

4.1.7 Kelemahan Pada Seksyen 15 Akta Kawasan Penempatan Berkelompok 1960	122
<b>4.2 Masalah Yang Timbul Dari Orang Ramai</b>	<b>124</b>
4.2.1 Ketidakfahaman Tentang Prosedur	124
4.2.2 Kelewatan Membuat Tuntutan	125
4.2.3 Kegagalan Mengesan Waris-Waris Si Mati	125
4.2.4 Kehilangan dan Keengganan Menyerahkan Dokumen Penting	126
4.2.5 Ketidaksefahaman Antara Ahli Waris	127
4.2.6 Ketidakhadiran Ahli waris Ketika Perbicaraan	128
4.2.7 Pemecahan Hak Milik Tanah Yang Sempit	128
<b>4.3 Masalah Yang Timbul daripada Pihak Si Mati Sebelumnya</b>	<b>129</b>
4.3.1 Tiada Dokumen Penjualan Tanah Yang Sah	129
4.3.2 Pengenepian Hak Waris Lain Melalui Pemberian Hibah	130
4.3.3 Kesilapan Nama Pada Surat Beranak	130
4.3.4 Perlaksanaan Wasiat Yang Tidak Sempurna	131
Nota Hujung	133

## **BAB V Kesimpulan**

5.1 Kesimpulan	135
Nota Hujung	144

## **Bibliografi**

## **Lampiran-Lampiran**

## **SENARAI CARTA**

- Carta 1 : Carta Organisasi Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Penolong Pengarah, Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
- Carta 2 : Carta Organisasi Amanah Raya Bhd. Cawangan Kelantan
- Carta 3 : Carta Aliran Proses Permohonan Pembahagian Pusaka Biasa
- Carta 4 : Carta Aliran Proses Permohonan Baru Pembahagian Pusaka Kecil
- Carta 5 : Carta Aliran Proses Permohonan Kemudian Pembahagian Pusaka Kecil

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1	:	Borang Permohonan Sijil Faraid
Lampiran 2	:	Jadual bayaran FEE (Peraturan 18)
Lampiran A	:	Borang A
Lampiran B	:	Borang B
Lampiran C	:	Borang C
Lampiran D	:	Borang D
Lampiran E	:	Borang DD
Lampiran F	:	Borang E
Lampiran G	:	Borang EE
Lampiran H	:	Borang F
Lampiran I	:	Borang H
Lampiran J	:	Borang K2
Lampiran K	:	Borang P
Lampiran L	:	Borang S
Lampiran M	:	Borang T

## **SENARAI STATUT**

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)

Akta Kesahteraan Anak 1961 (Akta No. 60)

Akta Mahkamah-Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91)

Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532)

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97)

Akta Tafsiran 1967 (Akta 388)

Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960

Enactment Succession to Small Estate, 1910 (No. 17/1910)

Enactment to Define The Constitution and Powers of the Courts in the State of Kelantan (No. 9/1925)

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan (No. 1/1983)

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan (Enakmen No. 3/1982)

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan (No. 6/1985)

Enakmen Rezab Melayu Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1913 (No. 15/1913)

Enakmen Tanah Rezab Melayu Kelantan (No. 18/1930)

Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56 / 1965)

Kelantan Land Enactment, 1926 (No.3/Tahun 1926)

The Notice of Regulation On Matters to be Heard in Syariah Courts, (No. 19/1916)

## SENARAI KES

*Hajjah Saudah Binti Che Mamat Iwn. Hanafi Bin Hj. Daud dan Lain-lain*  
(1991) Vol. VIII Pt. JH 66

*Hanisah lawan Tuan Mat* [1970] 1 MLJ 213

*Harta Mohd Ali bin Abdullah*, PTT 227/86 Pejabat Tanah Daerah Tumpat

*Harta Pusaka Abdullah bin Mohamed*, APKBB 601/99 Pejabat Tanah Daerah Kota Bharu

*Harta Pusaka Bidah bt. Hussain*, APKKB 640/99 Pejabat Tanah Daerah Kota Bharu

*Harta Pusaka Jah bt. Putih*, APKKB 632/99 Pejabat Tanah Daerah Kota Bharu

*Harta Pusaka Mek Embong Binti Mamat* APPKB 313/93(7), Pejabat Daerah Kota Bharu

*Harta Pusaka Zainab bt. Dollah*, APKBB 602/99 Pejabat Tanah Daerah Kota Bharu

*Harta Wan Mohd. Salleh bin Said*, PTM 349/181 Tahun 1985, Pejabat Tanah Daerah Machang

*Ho Giok Chay Iwn. Nik Aishah* [1961] 27 MLJ 49

*In The Goods of Abdullah* (1835) 2 KY ECC 8, hal. 11

*Mek Munah bt Seman Iwn Wan Kiah bt Omar Kes Ipil Mal* (Bil. 1/1970)  
Mahkamah Jemaah Pengadilan Kelantan

*Ramah Iwn. Laton* [1927] 6 FMSLR 18

*Rayuan Hussin Bin Mamat Iwn. Bustaman Bin Ali* (Bil. 2/2000) Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan

*Shaik Abdul Latif dan Lain-Lain Iwn. Shaik Elias Bux* [1915] FMSLR 204

*Timah binti Abdullah Decd.* [1941] MLJ 41

## **SENARAI KEPENDEKAN**

ARK	Annual Report Kelantan
Bil.	Bilangan
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
Dlm.	Dalam
Ed.	Edition
FELCRA	Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Negara
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FMSLR	Federated Malay State Law Report
Ibid.	Ibidem: pada tempat yang sama juzuk
ICT	Information Communication Technology
JH	Jurnal Hukum
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian
JPM	Jabatan Perdana Menteri
hal.	Halaman
Kel.	Kelantan
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LPS	Lesen Pendudukan Sementara
Ltd.	Limited
lwn.	Lawan

MLJ	Malaysian Law Journal
op.cit.	Opera Citato: dalam karya yang sama dirujuk sebelum
PHT.	Pemungut Hasil Tanah
PM	Pihak Menuntut
PPP	Pegawai Pembahagi Pusaka
PTD	Pegawai Tanah Daerah
SISMI	Sistem Maklumat Islam
t.t.	Tanpa Tarikh

## PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ا	a	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sy	ء	,
ص	sh	ي	y
ض	d	ة	t

Vokal Pendek

— a

— i

— u

Vokal Panjang

— ā

— ī

— ū

Diftong

أي ay

أو aw

Catatan : Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan tidak ditransliterasikan seperti syarah fuqaha, kes al-Quran dan Hadis. Ejaan ini bedasarkan Ejaan Kamus Dewan Tebitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1997).

# PENDAHULUAN

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Pembahagian harta pusaka merupakan suatu keperluan di dalam sistem kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat setelah berlaku satu-satu kes kematian. Di dalam Islam, penentuan hak seseorang ahli waris dinyatakan secara jelas berdasarkan kepada nas-nas al-Quran dan as-Sunnah. Prinsip-prinsip dan ketentuan-ketentuan syarak yang berkaitan dengan hukum faraid ini diperincikan bagi menjamin kesejahteraan di dalam sistem kekeluargaan.

Realiti memperlihatkan banyak yang bertelingkah dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka. Keadaan ini boleh membawa kepada kemusnahan institusi kekeluargaan. Sedangkan Islam sebagai *ad-din* telah menggariskan landasan perlaksanaan yang pasti dapat menjamin keadilan dan keharmonian sejagat sekiranya ia dilaksanakan secara menyeluruh dalam sistem kehidupan manusia.

Masyarakat Islam hari ini sebenarnya kurang memahami bahawa sistem pusaka Islam tidak ditadbir secara bersendirian atau berdasarkan kehendak dan tuntutan ahli-ahli dalam sesebuah keluarga semata-mata. Malahan perlaksanaannya mempunyai ikatan dan hubungankait dengan beberapa bentuk undang-undang lain yang bersifat pentadbiran.

Di samping itu, masyarakat juga kurang memahami bahawa pengendalian kes-kes yang berkaitan dengan pembahagian pusaka diletakkan di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Pegawai Penyelesaian Pusaka (PPP) di Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Amanah Raya Berhad atau Mahkamah Tinggi yang terdapat di seluruh Malaysia.

Pentadbiran harta pusaka di Malaysia dan Kelantan khususnya mengalami perkembangan sejarah tersendiri. Sebelum kedatangan penjajah Inggeris pentadbiran pusaka orang-orang Islam adalah dibawah bidangkuasa kadi. Setelah kedatangan Inggeris pentadbiran pusaka telah dipindahkan kepada Pejabat Tanah setelah digubal beberapa undang-undang tertentu yang menghadkan bidangkuasa Mahkamah Syariah dan sekaligus memberi kuasa kepada mahkamah civil dan pejabat tanah mengendalikan pentadbiran pusaka.

Kedudukan ini kekal sehingga negara mencapai kemerdekaaan di mana pentadbiran harta pusaka harta tanah terletak dibawah bidangkuasa persekutuan mengikut Senarai I, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang bersesuaian dengan hak negeri bagi pentadiran hal ehwal agama Islam dan Sultan sebagai ketua agama Islam negeri, Mahkamah Syariah diberi bidangkuasa secara tidak langsung berkaitan dengan penyelesaian kes pusaka seperti mengeluarkan sijil faraid, penentuan hibah, harta sepencarian dan sebagainya.

Pentadbiran tanah di Negeri Kelantan agak berbeza dengan negeri-negeri lain di mana wujud sekatan pemilikan tanah terhadap mereka yang bukan terdiri anak jati Kelantan mengikut Seksyen 2, Enakmen Tanah Kelantan 1926 dan anak Melayu Kelantan mengikut definisi Melayu dalam Seksyen 3 Enakmen Tanah Rezab Melayu Kelantan 1930.

Dalam kajian ini penulis memberikan gambaran tentang perkembangan sistem pembahagian pusaka hartanah dan dasar-dasar yang telah dibentuk khususnya di Kelantan. Kajian ini diharapkan akan dapat memberikan penjelasan dan gambaran yang jelas kepada seluruh masyarakat tentang bentuk perlaksanaannya, prosedur-prosedur dalam pembahagian pusaka, hartanah dan mengaitkannya dengan perlaksanaannya dari perspektif Islam.

Sehubungan dengan itu, kajian seumpama ini adalah penting untuk melihat dan meneliti sejauh manakah sistem pentadbiran yang diamalkan sekarang berupaya menyelesaikan tuntutan pembahagian pusaka hartanah secara efisien dan adil di kalangan masyarakat Islam khususnya di Kelantan.

## **1.2 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini untuk melihat secara objektif dan ilmiah tentang pentadbiran dan perlaksanaan pembahagian pusaka hartanah

orang-orang Islam menurut perspektif undang-undang. Selain daripada itu penyelidikan ini mempunyai objektif-objektifnya yang lebih khusus melalui perbincangan di setiap bab yang dikemukakan, iaitu :-

- 1.2.1 Melihat latar belakang perkembangan pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Malaysia amnya dan Kelantan khususnya.
- 1.2.2 Mengkaji prosedur yang digunakan di institusi-institusi terlibat dengan pentadbiran pusaka hartaanah orang-orang Islam di Kelantan.
- 1.2.3 Melihat amalan pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Kelantan berpandukan kepada kes-kes yang diputuskan di mahkamah dan Pejabat Tanah.
- 1.2.4 Mengkaji bidangkuasa institusi-institusi yang terbabit dengan pentadbiran pusaka hartaanah sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.
- 1.2.5 Mengemukakan saranan-saranan yang praktikal terhadap kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam amalan pentadbiran pusaka hartaanah orang-orang Islam semasa agar bertepatan dengan keadilan sistem pusaka Islam.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting sebagai maklumat yang berguna kepada masyarakat Islam khususnya di Kelantan berkenaan dengan prosedur-prosedur yang seharusnya mereka lalui bagi penyelesaian satu-satu tuntutan pusaka. Kajian ini dapat dijadikan garis panduan yang memudahkan mereka berurusan dengan institusi yang terbabit di dalam penyelesaian pembahagian pusaka mereka.

Kajian ini amat berguna kepada institusi-institusi seperti Unit Pembahagian Pusaka dan Amanah Raya Berhad yang terlibat secara langsung di dalam pentadbiran pusaka harta tanah orang-orang Islam di Kelantan. Penemuan hasil kajian dan saran-an-saran-an yang dikemukakan mampu melicinkan lagi urusan pentadbiran pusaka yang dikendalikan oleh institusi yang terbabit.

Kajian ini juga diharapkan menyediakan maklumat tambahan kepada pengkaji-pengkaji dan ahli-ahli akademik terutama mereka yang terlibat di dalam lapangan undang-undang pusaka harta tanah. Kajian ini boleh dijadikan satu landasan penyelidikan dan mampu dikembangkan lagi dari sudut berbeza daripada fokus kajian ini pada masa depan.

## **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini dibuat berdasarkan kepada undang-undang yang menjadi asas kepada pentadbiran dan pengurusan pusaka yang diamalkan pada hari ini. Penulisan ini juga hanya tertumpu kepada aspek pembahagian pusaka harta tanah yang diamalkan bagi masyarakat Islam di Kelantan.

Berdasarkan kepada kategori harta pusaka ini, hanya kategori harta pusaka kecil dan harta pusaka biasa sahaja terlibat dengan pentadbiran harta tanah pusaka. Ini kerana di dalam kedua-duanya mengandungi harta tak alih yang termasuk harta tanah, rumah dan bangunan serta kepentingan-kepentingan yang terdapat pada tanah dan bangunan tersebut. Manakala harta pusaka ringkas yang tidak termasuk di dalamnya harta tak alih dan tidak terlibat dengan aspek pentadbiran harta tanah.

Konsep harta tanah sebagaimana dinyatakan dalam Akta Tafsiran (Interpretation Act) 1967 (Akta No. 23) adalah tanah dan kepentingan, hak atau faedah yang terdapat atau yang akan didapati daripada tanah. Dalam hubungan ini, harta tak alih boleh mengandungi harta-harta seperti tanah, termasuk tanah lombong dan kepentingan (tanah atau bahagian yang tidak dibelah bahagi, gadaian, pajakan yang didaftarkan dengan nama simpati sebagai tuan punya, sebagai pentadbir atau sebagai pemegang amanah, tanah yang dicatatkan di dalam Daftar Permohonan Yang Diluluskan ('*Roll of Approved Applications*'), tanah atau bahagiannya yang

dipegang oleh seorang Pemegang Amanah bagi pihak si mati, tanah atau bahagiannya yang patut diturunkan kepada si mati daripada satu pusaka yang sedang dibahagikan, pegangan yang dimaksudkan oleh Akta Tanah (Kawasan-Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, kepentingan seorang yang belum dewasa didalam sebidang tanah yang dipegang untuknya oleh pemegang amanah dan sesuatu kepentingan dalam gadaian atau pajakan.

### **1.5 Kajian Terdahulu**

Terdapat beberapa kajian berkenaan dengan pusaka orang-orang Islam di Tanah Melayu samada dibuat oleh sarjana-sarjana tempatan mahupun asing. Walaupun nas-nas al-Quran telah menetapkan hak-hak ahli waris dengan jelas, tetapi dari sudut pengurusan dan pembahagiannya, ia memerlukan kefahaman dan kaedah-kaedah tertentu bagi menjamin hak dan keadilan terhadap ahli waris. Dalam kajian ini, tumpuan perbincangan hanyalah kepada aspek perundangan pusaka dan amalannya.

Dalam kajian-kajian awal yang dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan asing, mereka bersetuju mengatakan bahawa undang-undang yang terpakai bagi pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Tanah Melayu adalah undang-undang Islam yang bercampur-aduk dengan undang-undang adat. Hal ini dapat dilihat hasil penemuan Maxwell (1885), *The Law and Custom of Malay with Reference to The Tenure of*

*Land*,<sup>1</sup> M.B Hooker (1970), *Readings in Malay Adat Laws*,<sup>2</sup> Taylor (1948), *Aspects of Customary Inheritance in Negeri Sembilan*.<sup>3</sup> Di samping sarjana-sarjana tempatan yang mengesahkan pendapat ini seperti Prof Dr. Ahmad Ibrahim (1965), *Islamic Law in Malaya*<sup>4</sup> dan Muhammad Din bin Ali (1963) "Malay Customary Law".<sup>5</sup>

Perkembangan undang-undang pusaka terutama undang-undang yang diperkenalkan Inggeris turut dimuatkan di dalam sebahagian besar buku-buku yang dihasilkan oleh para sarjana tempatan seperti Prof. Dr. Ahmad Ibrahim (1965) dan Prof Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1997), *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*<sup>6</sup> misalnya banyak menyentuh berkenaan dengan perkembangan perundangan pusaka hasil campurtangan Inggeris yang sekaligus menghakis peranan kadi dalam Mahkamah Syariah. Mereka biasanya akan merujuk keputusan hakim di dalam kes *Ramah lawan Laton*<sup>7</sup> yang menyatakan bahawa undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing bagi negara ini.

Berkaitan dengan perkembangan undang-undang di Kelantan khususnya berhubung dengan pentadiran tanah dan pusaka orang-orang Islam, terdapat beberapa kajian yang telah dibuat menjelaskan hal ini sebagaimana disebut oleh Shahril Talib di dalam bukunya *History of Kelantan* dan Dr Abdullah Alwi di dalam buku *The Administration of Islamic Law in Kelantan*.<sup>8</sup>

Dalam kajian-kajian yang mutakhir perbincangan banyak difokuskan kepada pembahagian pusaka secara umum di kalangan orang-orang Islam samada menyentuh harta pusaka ringkas, kecil dan biasa. Hak-hak ahli waris dan pertikaian antara mereka yang berhak menerima pusaka turut diberi tumpuan sebagaimana dalam disertasi Nailah Yusuf (1999), "Kedudukan ahli Waris Orang Islam dalam Pentadbiran Pusaka di Malaysia" dan Mohd. Mansor Hj. Daud (1996), "Konflik antara Dhawi-ar-ham dan baitulmal dalam pembahagian pusaka Islam".<sup>9</sup>

Namun tidak kurang juga yang menumpukan kajian terhadap aspek pentadbiran dan amalan yang digunakan di Pejabat Tanah daerah dan Pejabat Amanah Raya Berhad yang ditumpukan kepada daerah-daerah yang khusus seperti di dalam disertasi Abdul Shakor Borham (1999), "Amalan Pembahagian Harta Pusaka orang-orang Islam di daerah Muar, Johor".<sup>10</sup>

Sehingga kini penulis belum menemui satu kajian khusus secara langsung berkaitan dengan pentadbiran pusaka orang-orang Islam terutama berkaitan dengan haratanah dan tumpuan tempat kajian di negeri Kelantan. Dengan adanya kajian seumpama ini dapat menjelaskan dan memperincikan lagi maklumat yang sedia ada yang berasaskan kepada perkara semasa dan setempat dan berupaya memperkemaskan pentadbiran pusaka hartanah orang-orang Islam di Kelantan khususnya dan Malaysia amnya.

## **1.6 Metodologi Kajian**

Dalam menyiapkan disertasi ini penulis telah memilih beberapa metod yang menjadi landasan yang akan penulis gunakan dalam usaha mengumpul dan menganalisis data-data terkumpul.

### **1.6.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Sehubungan dengan itu, dalam pengumpulan data, antara metod yang digunakan ialah :

- i) Kaedah Kajian perpustakaan

Melalui metod ini penulis akan mengutip dan **mengumpulkan maklumat** dan data-data yang berkaitan daripada bahan-bahan bacaan. Bahan-bahan ini kebanyakannya terdiri daripada buku-buku fiqh, kitab tafsir, kitab al-hadith, majalah, kertas projek dan sebagainya. Selain daripada itu, terdapat bahan-bahan bertulis yang berbentuk persendirian seperti buku-buku taklimat, laporan tahunan dari pejabat-pejabat dan seumpamanya.

Antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan dan penyelidikan penulis adalah :

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- b. Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya
- c. Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur

- d. Perpustakaan Universiti Malaya Cawangan Nilam Puri
- e. Perpustakaan Negara Kuala Lumpur
- f. Perpustakaan Awam Negeri Kelantan

ii) Metod Berdoktrin

Metod ini adalah merupakan metod utama yang meletakkan asas yang bersumberkan dalil naqli yang bersifat muqaddas terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan as-Sunnah sebagai suatu pegangan dan idealisme penulis.

iii) Kaedah Dokumentasi

Penulis menggunakan kaedah ini bagi meneliti dokumen-dokumen, fail-fail kes serta buku daftar di Unit Pembahagian Pusaka Kecil di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Pejabat-pejabat Tanah dan Jajahan dan Mahkamah Syariah bagi mendapatkan maklumat berkenaan prosedur, pentadbiran dan kaedah pembahagian pusaka harta tanah orang-orang Islam di Kelantan. Risalah-risalah atau penulisan bercetak, buku panduan serta pekeliling-pekeliling dari jabatan-jabatan terbabit turut dirujuk dan dikumpulkan data-datanya.

:

iv) Metod Observasi

Penulis akan membuat pemerhatian dan penilitian terhadap permohonan yang didaftarkan dan diputuskan di pejabat Tanah dan Jajahan serta prosedur-prosedur yang diambil oleh PPP khususnya di dalam menyelesaikan proses pembahagian pusaka hartaanah bagi masyarakat Islam di Kelantan.

v) Metod Temubual

Melalui metod ini penulis akan menemubual beberapa orang yang dianggap penting dalam usaha mendapatkan maklumat atau data yang terkini dan lebih terperinci atau mendapatkan data-data yang tidak boleh didapati melalui bahan bertulis. Ianya merupakan sumber data yang bersifat **primer**. Dalam melaksanakan kaedah ini penulis menggunakan dua kaedah temubual iaitu kaedah temubual berstruktur dan tidak berstruktur.

Penulis akan menemubual pihak-pihak yang mempunyai autoriti yang dapat menjelaskan sebarang persoalan-persolan bersifat pentadbiran seperti Ketua Penolong Pengarah Unit Pembahagian Pusaka JKPTG dan Pengurus Amanah Raya Berhad Cawangan Kelantan yang terlibat secara langsung di dalam urusan pentadbiran hartaanah dan prosedur-prosedur pembahagian pusaka hartaanah yang sedang dilaksanakan hari ini. Penulis

juga menemubual Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan dan Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Kota Bharu bagi mendapatkan maklumat berkenaan kes-kes mal di Mahkamah Syariah.

#### 1.6.2 Metod Penganalisaan Data

Setelah data-data dan maklumat-maklumat yang berkaitan telah terkumpul, penulis akan membuat analisa dan penilaian terhadapnya untuk memastikan kesahihan dan keutamaannya. Metod ini digunakan dalam setiap bab sebagai **analisis** terhadap data-data yang dikumpulkan seperti bidangkuasa institusi-institusi terbabit, kes-kes pembahagian pusaka dan peruntukan-peruntukan dalam akta-akta yang berkaitan. Penulis menggunakan metod induktif, deduktif dan komparatif bagi tujuan tersebut.

Metod induktif dan deduktif digunakan dalam setiap bab terutama bagi menghuraikan dan menghubungkait prosedur dan peruntukan akta – akta terbabit dengan amalan pembahagian pusaka hartaanah yang diberi bidangkuasa kepada institusi-institusi seperti Unit Pembahagian Pusaka JKPTG dan Amanah Raya Berhad Cawangan Kelantan. Penggunaan kedua-dua metod ini membolehkan penulis membuat kesimpulan terhadap isu-isu yang dibincangkan.

Di samping itu juga, metod komparatif turut digunakan untuk membuat perbandingan di antara data-data yang diperolehi. Contohnya dalam membincangkan perkembangan pentadbiran pusaka harta tanah pada sebelum, semasa dan selepas pemerintahan Inggeris, bidangkuasa setiap institusi yang terlibat dan perbandingan pentadbiran pusaka biasa dan pusaka kecil.

## Nota Hujung

<sup>1</sup> Maxwell, W.G.(1885) *The Law and Custom of Malay with Reference to The Tenure of Land*, Singapore : Government Printing Office.

<sup>2</sup> Hooker, M.B.(1970), *Readings In Malay Adat Laws*, , Singapore : Singapore University Press.

<sup>3</sup> Taylor (1948), *Aspects of Customary Inheritance in Negeri Sembilan*, Singapore : Journal Of The Royal Society Malayan Branch 21: (2), hal. 41-130.

<sup>4</sup> Ahmad Ibrahim (1965), *Islamic Law In Malaya*, Singapore : Malaysian Sociological Research Institute Ltd.

<sup>5</sup> Muhammad Din bin Ali (1963), "Malay Customary Law" dalam Intisari, Jilid 2 No. 4, Singapore, hal. 34.

<sup>6</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1997, *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

<sup>7</sup> Kes Ramah Iwn. Laton (1927) 6 FMSLR 126

<sup>8</sup> Abdullah Alwi Haji Hassan, (1996), *The Administrations Of Islamic Law In Kelantan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>9</sup> Mohd. Mansor Hj. Daud (1996), "Konflik antara Dhawi-ar-ham dan baitulmal dalam pembahagian pusaka Islam". Disertasi Sarjana Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>10</sup> Abdul Shakor Borham (1999), "Amalan Pembahagian Harta Pusaka orang-orang Islam di daerah Muar, Johor". Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur : Akademi Islam, Universiti Malaya.